

**UCAPAN PERASMIAN
MAJLIS PELANCARAN OPERASI SERENTAK
PENGUATKUASAAN KAWALAN PELEPASAN ASAP DARI
KENDERAAN DIESEL DAN PETROL DI SEPANJANG
LEBUHRAYA DAN JALANRAYA UTAMA PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN 2006**

DI PLAZA TOL SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR

21 SEPTEMBER 2006

OLEH

**Y.B. DATO' S. SOTHINATHAN
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
MALAYSIA**

Saudara Pengerusi Majlis,

**Yang Berbahagia Dato' Suboh Yassin
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar**

**Yang Berbahagia Dato' Hajah Rosnani Ibarahim,
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar**

**Ketua-Ketua Jabatan, Pengarah-Pengarah dan Pegawai-Pegawai
Kanan Kementerian dan Jabatan Alam Sekitar**

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sidang hadirin sekalian,

Selamat pagi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS), kerana telah sudi menjemput saya untuk hadir sama serta merasmikan majlis pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah sudi melapangkan masa untuk bersama-sama berada diperkarangan Plaza Tol Sungai Besi ini bagi menjayakan Majlis Pelancaran Operasi Serentak Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Dari Kenderaan

Diesel & Petrol Di Sepanjang Lebuhraya dan Jalan Utama Peringkat Kebangsaan Tahun 2006 pada pagi ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, perkembangan dan peningkatan industri otomobil yang sedang dilalui oleh negara kita telah disusuli dengan bertambahnya bilangan kenderaan di jalan-jalan raya negara kita. Asap dari ekzos kenderaan yang tidak dijaga dengan rapi atau diselenggara dengan sempurna telah menjadi punca pencemar udara dan merupakan penyumbang besar kepada masalah pencemaran udara, terutamanya di kawasan-kawasan bandar dan di kawasan sepanjang lebuhraya serta jalan-jalan utama.

Pelepasan asap berlebihan dari ekzos kenderaan diesel seperti bas, lori serta kenderaan-kendreaan perdagangan yang lain, yang tidak dijaga dengan baik, biasanya dapat dilihat dengan warnanya yang kehitaman akibat daripada pelepasan habuk dan jelaga-jelaga karbon yang halus. Bagi pelepasan asap yang mengandungi gas-gas pencemar dari kenderaan petrol pula walaupun tidak dapat dilihat melalui mata kasar tetapi ianya amat merbahaya kepada kesihatan manusia.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi pemandu serta tuan punya kenderaan dan pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan samada diesel ataupun petrol menentukan supaya semua kenderaan yang mereka gunakan diservis dan diselenggara dengan sempurna dan teratur supaya tidak melepaskan gas-gas pencemar dan asap hitam berlebihan yang boleh mencemarkan alam sekitar seterusnya menjaskan kualiti udara.

Dari segi jangka panjang, penyelenggaraan kenderaan secara berterusan dan berjadual adalah lebih menjimatkan, kerana ianya boleh mengelakkan daripada berlakunya kerosakan besar kepada enjin kenderaan yang mana biasanya memerlukan kos yang tinggi untuk dibaiki.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Objektif utama program penguatkuasaan kawalan pelepasan asap dari kenderaan diesel dan petrol dilaksanakan ialah untuk mengawal pelepasan asap berlebihan dari kenderaan diesel dan petrol yang beroperasi disepanjang lebuhraya serta jalan-jalan utama diseluruh negara. Ini adalah juga kerana masih terdapat banyak bilangan kenderaan yang diperhatikan oleh Jabatan Alam Sekitar yang masih terus melepaskan asap hitam berlebihan. Jabatan Alam Sekitar juga menerima banyak aduan dari orang ramai terhadap pelepasan asap hitam khususnya dari bas-bas dan lori-lori disepanjang lebuhraya dan jalan-jalan utama.

Jabatan Alam Sekitar sebelum ini telah pun melaksanakan operasi penguatkuasaan secara ‘Area Watch And Sanction Inspection’ atau AWASI bagi mengawal pelepasan asap hitam yang berlebihan dari kenderaan diesel di dalam kawasan-kawasan bandar. Kini operasi ini akan diperluaskan untuk dilaksanakan diluar daripada kawasan bandar-bandar bagi memastikan kenderaan yang beroperasi dilebuhraya atau jalan-jalan utama tidak melepaskan asap hitam yang berlebihan dan terus melakukan pencemaran disepanjang perjalanannya.

Jabatan Alam Sekitar juga dalam proses membuat pindaan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan

Daripada Enjin Diesel) 1996 bagi membolehkan pelaksanaan penguatkuasaan pelepasan asap hitam kenderaan diesel melalui kaedah ‘visual’ (visible smoke inspection) dilaksanakan dengan menggunakan kamera video. Satu ‘pilot’ projek menggunakan kamera video telah dijalankan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepanjang tempoh 22 Ogos – 7 September yang lalu. Dalam tempoh berkenaan, sebanyak 20 kenderaan berenjin diesel telah dikenalpasti melepaskan asap hitam berlebihan dan diberikan notis mengarahkan pemilik kenderaan supaya menjalankan pemeriksaan pelepasan asap hitam dari kenderaan mereka. Dari pengalaman ini, Jabatan Alam Sekitar menjangkakan kaedah pemeriksaan secara ‘visual’ akan lebih berkesan lagi kerana akan dapat mengoptimumkan sumber sedia ada terutamanya dari segi bilangan pegawai penguatkuasa yang diperlukan. Jika dengan kaedah biasa melalui operasi static menggunakan peralatan pengukuran asap memerlukan 5-7 orang pegawai penguatkuasa untuk satu lokasi sebaliknya dengan kaedah visual menggunakan kamera video 5-7 orang pegawai penguatkuasa akan berada di lokasi-lokasi yang berbeza secara serentak. Dengan ini akan lebih banyak bilangan kenderaan dan kawasan yang akan dapat diliputi bagi operasi ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar, sepanjang tahun 2005 didapati tahap pematuhan bagi pelepasan asap dari kenderaan diesel adalah 95% secara keseluruhan. Tahap ini adalah masih rendah dan perlu dipertingkatkan lagi. Dalam tempoh ini juga, sebanyak 96,590 pemerhatian telah dibuat di mana 4,878 saman kompaun telah dikeluarkan manakala sejumlah 757 buah kenderaan telah dikenakan

Perintah Larangan Beroperasi kerana melepaskan asap hitam yang tebal melebihi 90 Hartridge Smoke Units(HSU). Pada tahun ini pula dari **1 Januari hingga 31 Ogos 2006** tahap pematuhan adalah 98 % secara keseluruhan. Sebanyak 99,201 pemerhatian telah dibuat di mana 4113 saman kompaun telah dikeluarkan manakala sejumlah 488 buah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan Beroperasi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Majlis pelancaran pada pagi ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai terutamanya pemandu dan tuanpunya kenderaan serta pengusaha kenderaan perdagangan tentang betapa pentingnya menjaga dan menyelenggara kenderaan masing-masing supaya pelepasan asap ekzos kenderaan mereka sentiasa mematuhi had pelepasan asap hitam 50 HSU yang dibenarkan mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling(Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Penyelenggaraan ke atas enjin kenderaan yang dilaksanakan dengan sempurna serta berjadual, dari segi ekonominya akan dapat meningkatkan prestasi dan kecekapan enjin serta menjimatkan penggunaan minyak diesel dan seterusnya dapat memanjangkan jangkahayat enjin sesebuah kenderaan. Enjin yang sentiasa beroperasi dengan cekap atau efisyen pula akan dapat mencegah kejadian pelepasan asap hitam yang berlebihan bagi memelihara serta menjamin kualiti udara yang baik supaya tidak menjaskan kesihatan orang ramai.

Operasi Serentak Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Diesel Di Sepanjang Lebuhraya dan Jalan Utama Peringkat Kebangsaan telah dimulakan pada tahun 2002. Pada tahun 2002, sebanyak 3 kempen telah dijalankan di mana sebanyak 29,901 pemerhatian telah dibuat di mana 2032 saman kompaun telah dikeluarkan manakala sejumlah 1033 buah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan Beroperasi. Bagi tahun 2003, sebanyak 2 kempen telah dijalankan di mana sebanyak 20,274 pemerhatian telah dibuat di mana 1317 saman kompaun telah dikeluarkan manakala sejumlah 289 buah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan Beroperasi. Bagi tahun 2004 pula, sebanyak 2 kempen telah dijalankan di mana sebanyak 13,655 pemerhatian telah dibuat di mana 960 saman kompaun telah dikeluarkan manakala sejumlah 311 buah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan Beroperasi. Manakala pada tahun lepas sebanyak 2 kempen telah dilaksanakan di mana sebanyak 11,851 pemerhatian telah dibuat di mana 908 saman kompaun telah dikeluarkan manakala sejumlah 130 buah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan Beroperasi. Statistik di atas menunjukkan bahawa tahap pelepasan asap dari kenderaan diesel ini masih lagi pada tahap yang kurang memuaskan.

Pada tahun ini, Operasi Serentak Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Diesel Di Sepanjang Lebuhraya dan Jalan Utama Peringkat Kebangsaan sekali lagi dilaksanakan bagi mempertingkatkan kesedaran dan mendidik orang awam terutamanya pemandu atau tuan punya kenderaan supaya sentiasa peka dengan keperluan penyelenggaraan kenderaan masing-masing dan mematuhi keperluan undang-undang sedia ada.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sebagai usaha membantu pemandu dan tuanpunya kenderaan mengetahui had pelepasan serta tahap pematuhan asap kenderaan masing-masing kepada undang-undang di atas, satu program mewujudkan “Kemudahan Yang Diluluskan” oleh pemilik atau pengusaha bengkel membaiki kenderaan yang berminat telah dilancarkan pada 10 Januari 2001 yang lalu. Dengan wujudnya pusat-pusat kemudahan atau bengkel-bengkel membaiki dan menguji pelepasan asap kenderaan yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar ini, pemandu serta tuanpunya kenderaan bolehlah mendapatkan khidmat ujian asap ini di kemudahan berkenaan.

Sehingga kini sebanyak 46 buah pusat ‘Kemudahan Yang Diluluskan’ atau bengkel kenderaan telah diwujudkan diseluruh negara. Pemandu atau tuanpunya kenderaan diesel bolehlah memilih pusat-pusat kemudahan ujian atau bengkel berkenaan yang berhampiran untuk menghantar kenderaan mereka untuk diservis atau diselenggarakan dengan sempurna dan seterusnya menjalankan ujian pelepasan asap untuk mengetahui tahap pelepasan asap dan pematuhan kenderaan masing-masing.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Akhir sekali, dengan pelancaran kempen ini, saya berharap agar pemandu serta tuanpunya kenderaan diesel dan petrol akan mencapai tahap kesedaran yang lebih baik dan memahami tanggungjawab yang mereka harus laksanakan bagi memastikan udara disekeliling kita tidak dicemari dengan asap hitam yang berbahaya kepada orang awam.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Operasi Serentak Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Dari Kenderaan Diesel dan Petrol Di Sepanjang Lebuhraya dan Jalan Utama Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2006.

Terima kasih.